

Kumpulan H juara Karnival Sukan Staf UTHM

JOHOR BAHRU 12 Jun - Karnival Sukan Staf Ke-10 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melabuhkan tirainya baru-baru ini dengan membawa kenangan manis kepada pasukan Kumpulan H apabila dinobatkan sebagai juara keseluruhan.

Kumpulan H terdiri daripada Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar, Pusat Kokurikulum, Pusat Sukan, Pejabat Penerbit dan Pejabat Antarabangsa.

Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin berkata, karnival tersebut telah menghimpunkan sebilangan atlet untuk turut serta dalam 19 acara yang dipertandingkan.

"Antara acara yang dipertandingkan adalah olahraga, bola sepak, futsal, bola jaring, sepak takraw, tenis, bola tampar, pingpong, catur, badminton dan hoki. Selain kampus induk UTHM, beberapa lokasi lain sekitar bandar Batu Pahat dan Johor Bahru turut menjadi me-

dan pertandingan beberapa acara.

"UTHM telah menyediakan pelbagai kemudahan untuk menggalakkan warganya melibatkan diri dalam bidang ini. Saya berharap kakitangan UTHM menggunakan segala kemudahan sukan secara optimum untuk tampil cergas dan sihat di samping mengembangkan lagi bakat dan prestasi masing-masing," katanya pada majlis penutup karnival berkenaan.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Ir. Dr. Abdul Aziz Abdul Samad; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Wahid Razzaly serta beberapa pegawai kanan universiti.

Majlis penutup kali ini juga menyaksikan pertandingan perbarisan antara kontijen dengan Kumpulan G yang terdiri daripada Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan serta Pejabat Naib Canselor, Pusat Islam dan Pusat Pembangunan Akademik dinobatkan sebagai pemenang kepada acara tersebut.